

NORMA BARU UNTUK PELAJAR ASRAMA KiSTARP

MAKLUMAN TARIKH KEMBALI KE ASRAMA

- **Pelajar asrama dikehendaki kembali** mendaftar ke asrama KiSTARP pada **23 Jun 2020 (Selasa)**, dari jam **3.00 petang – 5.00 petang**.
- Terdapat beberapa perubahan besar dari segi penempatan dorm bagi mematuhi SOP; penjarakan sosial 1 meter. Oleh itu, pelajar aspura dan aspuri diminta untuk sentiasa peka dengan sebarang makluman dari pihak warden atau penyelia asrama.

PERATURAN NORMA BAHARU ASRAMA SEMASA TEMPOH PKPP

1. Pelajar diminta untuk bergerak mengikut arah laluan yang telah ditetapkan berdasarkan SOP penjarakan sosial. Pelan pergerakan tersebut adalah wajib untuk dipatuhi supaya tiada pertembungan arah yang berlaku antara pengguna laluan.
2. **Outing dan pulang bermalam tidak dibenarkan** sehingga KPM mengeluarkan arahan pemakluman lanjut.
3. **Pelawat** hanya **dibenarkan berjumpa** dengan pelajar di asrama **sekiranya terdapat urusan kecemasan**. Pelawat perlu mendapatkan **kebenaran daripada pentadbir/ketua warden SAHAJA**.
4. Sebarang **perhimpunan / perjumpaan** (yang melebihi 10 orang) dalam kalangan pelajar asrama **tidak dibenarkan**.
5. Murid perlu segera melaporkan dengan segera kepada warden sekiranya diri sendiri / rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas.
6. Solat berjemaah di surau dan semua aktiviti berkumpul ditangguhkan.
7. **Solat Jumaat** bagi pelajar aspura juga **ditangguhkan**.
8. **Pelajar akan dibahagikan kepada dua kumpulan giliran makan di dewan makan** bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi. Senarai kumpulan boleh dirujuk di pintu masuk dewan makan.

9. Jadual makan di dewan makan asrama adalah seperti ketetapan berikut;

PERKARA	MASA	KUMPULAN
Sarapan	6.30 pg – 6.45 pg	Kumpulan 1
	6.45 pg – 7.00 pg	Kumpulan 2
Makan Tengahari	2.30 ptg – 2.45 ptg	Kumpulan 1
	2.45 ptg- 3.00 ptg	Kumpulan 2
Minum Petang	4.30 ptg – 4.45 ptg	Kumpulan 1
	4.45 ptg – 5.00 ptg	Kumpulan 2
Makan malam	6.00 ptg – 6.30 ptg	Kumpulan 1
	6.30 ptg – 7.00 mlm	Kumpulan 2
Minum Malam	9.00 mlm – 9.15 mlm	Kumpulan 1
	9.15 mlm – 9.30 mlm	Kumpulan 2

PERALATAN /ITEM YANG **PERLU** DIBAWA/DISEDIAKAN OLEH PELAJAR.

1. Peralatan makan seperti **pinggan, mangkuk, cawan/gelas, sudu dan garpu.**
2. Peralatan sembahyang seperti **telekung , sejadah, kopiah/songkok.**
3. Face mask / pelitup muka.
4. Hand sanitizer / sabun pencuci tangan.
5. Barangan peribadi yang lain bagi mengelakkan perkongsian dengan rakan-rakan di asrama.